



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	2/9/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	KeTSA			

### Perlembagaan Persekutuan boleh halang nyah warta

**SHAH ALAM** - Kerajaan Persekutuan boleh mempertimbang untuk menggunakan peruntukan Perkara 83 Perlembagaan Persekutuan sebagai langkah akhir sekiranya Selangor tidak membatalkan langkah untuk menyahwartakan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU).

Ketua Penerangan UMNO, Shahril Hamdan berkata, peruntukan tersebut membolehkan langkah drastik dilakukan oleh kerajaan Persekutuan untuk mengambil hak milik kawasan yang telah dinyahwarta daripada kerajaan negeri.

Menurumnya, tindakan itu boleh dilakukan sebelum kerajaan negeri melaksanakan pindah milik kawasan tersebut kepada mana-mana syarikat atau entiti.

"Saya sedar, cadangan ini ber-

sifat agresif dan sewajarnya menjadi langkah terakhir andai kata segala desakan masih gagal.

"Bukan menjadi tanggungjawab kerajaan Persekutuan untuk memperbetul kegagalan dan kerakusan kerajaan negeri tetapi HSKLU merupakan aset amat berharga

atas kedua-dua faktor iaitu warisan dan masa hadapan," katanya di Facebooknya pada Selasa.

Pada Isnin, Exco Alam Sekitar dan Hal Ehwal Orang Asli, Hee Loy Sian memaklumkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor bersetuju menyahwartakan HSKLU bagi tujuan pembangunan.

Shahril berkata, keputusan



SHAHRIL

kerajaan negeri untuk menyahwartakan separuh daripada kawasan yang telah digazetkan sebelum ini adalah sesuatu yang tidak masuk akal

"HSKLU merupakan kawasan paya gambut, tanah adat orang asli sejak abad ke-19 hingga hari ini terdapat lebih

2,000 orang masyarakat mereka. Kawasan ini juga memiliki habitat spesies terancam yang berusia 8,000 tahun," katanya.

Shahril berkata, kawasan paya gambut juga merupakan antara takungan semula jadi karbon dan pemusnahan HSKLU demi keuntungan serta pembangunan yang tidak diperlukan adalah satu langkah tidak masuk akal.